

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional di sebalik pengusiran guru Turki Arif Komis dan keluarganya yang telah secara rasmi didaftarkan bawah Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengusiran Arif Komis dilakukan setelah siasatan secara terperinci dilakukan oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Siasatan menunjukkan bahawa beliau merupakan anggota kanan gerakan *Fetullah Gullen Terrorist Organization* (FETO) yang telah disenaraikan oleh Kerajaan Turki sebagai organisasi pengganas kerana terlibat dalam aktiviti militan untuk menggulingkan kerajaan sedia ada. Malahan, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) turut menyenaraikan FETO sebagai pengganas.

Sekiranya tidak dibendung, FETO berpotensi memberi ancaman serius kepada keselamatan negara. Pengalaman dan modus operasi seperti insiden cubaan rampasan kuasa yang berlaku di Turki dikhuatiri akan mempengaruhi rakyat di negara ini. Perkara ini adalah selari dengan dasar kerajaan Malaysia untuk tidak membenarkan Malaysia menjadi tempat oleh mana-mana pihak sebagai pangkalan untuk melancarkan serangan terhadap negara - negara lain.